

# Dasar Malaysia diperakui

BH-31/5/2007

## Jutawan Arab Saudi minta negara Islam jadikan model pembangunan

Oleh Sazarina Shahrim

**K**UALA LUMPUR: Jutawan Arab Saudi, Putera Al-Waleed Talal Abdul Aziz Al-Saud yang juga antara individu terkaya di dunia, memuji kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan meminta negara Islam lain menjadikan Malaysia model untuk membangunkan negara masing-masing.

Beliau berkata, kemajuan yang dikecapi Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri dengan pentadbiran yang berpandukan kepada ajaran Islam adalah sesuatu yang wajar dicontohi oleh masyarakat Islam sejagat.

"Perdana Menteri (Abdullah) sering mengajak umat Islam sedunia supaya bersatu dan memerangi pegganas yang selalu dikaitkan dengan ajaran Islam. Justeru, saya berjanji akan membantu beliau dalam usaha itu," katanya.

Al-Waleed juga berharap akan dapat menjalinkan kerjasama erat dengan kerajaan Malaysia pada masa depan.

"Saya sangat menghargai anugerah yang diberikan ini dan berterima kasih kepada semua terutama Perdana Menteri yang sanggup hadir pada majlis ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran dalam bidang Undang-Undang daripada Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan Dalam Kewangan Islam (Inceif), di sini, semalam.

Beliau menerima anugerah itu daripada Abdullah pada majlis konvokesyen khas yang turut dihadiri oleh Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah yang juga Duta Kewangan bagi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) dan Gabenor Bank Negara yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Inceif, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Penganugerahan itu diberikan atas sumbangan Al-Waleed dalam mengembangkan pengajian Islam dan kegiatan kebajikannya kepada institusi pendidikan di seluruh dunia.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Akademik Inceif, Prof Dr Malik Al-Awan dalam petikan memperkenalkan Al-Waleed menyifatkan beliau sebagai pemimpin dunia dalam bidang perbankan dan kewangan yang mewa-

**“Abdullah mengajak umat Islam sedunia bersatu dan memerangi pegganas yang selalu dikaitkan dengan ajaran Islam”**

**Putera Al-Waleed Talal Abdul Aziz Al-Saud**  
Jutawan Arab Saudi



**SUMBANGAN DIHARGAI:** Putera Al-Waleed menunjukkan ijazah yang diterima sambil diperhati Abdullah, Presiden Inceif, Agil Natt (kiri), Pengerusi Majlis Senat Inceif, Dr Rozali Mohamed Ali dan Malik (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

kili peradaban moden dengan komitmen tinggi dalam kebajikan pendidikan.

Katanya, Al-Waleed juga adalah simbol kerjasama Timur-Barat dalam membina keharmonian antara semua kaum dan agama sekali gus dapat mengukuhkan Keamanan dan

Keselamatan Dunia.

Katanya, sumbangan bantuan kewangan beliau kepada pelbagai universiti, termasuk Harvard, Georgetown, Exeter dan banyak lagi sekolah awam serta program untuk orang miskin adalah contoh sifat kasih sayang beliau yang harus di-

jadikan panduan.

Al-Waleed, sepupu kepada bekas pemimpin Arab Saudi, Al-Malik Fahd diletakkan sebagai orang 13 terkaya di dunia untuk 2007 oleh *Majalah Forbes* baru-baru ini dengan harta dianggarkan bernilai lebih RM71 bilion.